

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, December 10, 2017 11:45 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Catat Malaysia Book Of Records - Hasilkan 17,920 Buku Nota Dari Kertas Terpakai



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



10 DISEMBER 2017 / 21 RABIULAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUM CATAT MALAYSIA BOOK OF RECORDS - HASILKAN 17,920 BUKU NOTA DARI KERTAS TERPAKAI



UUM ONLINE: Seramai 200 sukarelawan menghasilkan 17,920 buku nota sekali gus tercatat dalam The Malaysia Book of Records sebagai Most Number of Booklets in a Day, di UUM Sintok, baru-baru ini.

Rekod ini terdahulu dipegang oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan catatan 10,114 buku nota yang dihasilkan namun pada tahun ini, UUM berjaya melepasi rekod sebanyak 77.2%.

Menurut Pengarah Projek Paplet, Thum Wei Mang, projek anjuran Bursa Young Investor Club (BYIC) UUM dengan kerjasama Bachelor of Philosophy, Law and Business, Thinkers dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun, Persatuan AIESEC Kedah-Perlis dan Enactus UUM.

Jelasnya, Paplet kombinasi Paper dan Booklet merupakan sebuah projek yang bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan mengguna semula kertas sebelum melupuskannya demi menjamin kelestarian alam sekitar.

“Di Malaysia, lebih 3 juta tan kertas digunakan tetapi kurang dari 5% dari kertas ini dikitar semula justeru Projek Paplet mengambil keputusan untuk bermula dengan masyarakat dan budaya pemikiran mereka,” kata pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Logistik dan Pengangkutan), 22.

Katanya, peningkatan kesedaran dititikberatkan di mana kertas yang sebelum ini dikitar semula digunakan semula sekali gus menghasilkan produk boleh pasar, iaitu Paplet.

Mengulas lanjut persiapan projek ini telah mengambil masa sebulan dengan mengumpul kertas terpakai dari UUM, SMK Darulaman, SMK Sultan Abdul Halim, SMK Paya Kemunting, SMK Seri Mahawangsa, SMK Changlun dan SJK (C) Kong Hwa.

“Paling mencabar ketika mendapatkan kertas-kertas yang mencukupi mujurlah pihak Pengurusan universiti membenarkan kami mengumpul assignment lama daripada pensyarah selain sokongan dari sekolah berhampiran.

“Kami telah membahagikan 200 pelajar kepada 4 slot dan saya terharu apabila ramai pelajar melibatkan diri dalam slot yang lain secara sukarela dan kami amat menghargai komitmen mereka,” ujarnya.

Projek cetusan idea Pelajar Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan Chong Chen Fung, 21 mengambil inspirasi daripada sebuah universiti di Amerika Syarikat yang mengadakan projek seumpama ini kemudiannya menderma hasil Paplet kepada kanak-kanak autistik.

Chen Fung yang pernah menyertai pertandingan Youth Leadership Academy anjuran McKinsey & Co. menjalankan social enterprise dengan menghasilkan Project Paplet sekali gus berjaya meraih tempat pertama pada 2016.

“Saya cuma membawa projek ini kepada UUM, mujurlah kawan-kawan menyambut baik dan bersedia menjayakan projek yang mana hasilnya akan didermakan kepada golongan yang memerlukan.

“Bukan sesuatu yang mudah dicapai namun sukarelawan menunjukkan komitmen yang tinggi sehingga mereka sanggup bekerja keras selama 12 jam bermula dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam untuk menyiapkan projek ini,” luah Chen Fung.

Manakala Pelajar Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan, Noraini Mohamed Rahim, 21 menyambut baik program yang mendidik pelajar cakna terhadap penjagaan alam sekitar dengan mengguna semula kertas.

“Alam sekitar pada hari telah banyak dicemarkan oleh perbuatan manusia justeru, kita mesti menyayangi alam sekitar contohnya dengan mengurangkan penggunaan kertas, plastik dan polisterin bagi menjaga alam sekitar.

“Peserta bekerja bersungguh-sungguh dari pagi sehingga malam, saya berbangga dengan usaha yang diberikan sehingga dapat memecahkan rekod sekali gus mengharumkan nama UUM,” luahnya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim, Pegawai the Malaysia Book of Records, Cik Siti Johor, Dekan Pejabat Pelajar dan Alumni UUM COB, Dr. Hendrik Lamsali, Timbalan Dekan Pejabat Pelajar dan Alumni Kolej Undang-undang (PPA COLGIS), Dr. Mohd Na'eim Ajis, wakil dari SMK Changlun, Puan Aida dan penasihat BYIC, En Afiruddin Bin Tapa.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.